



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	06.12.22	MUKA SURAT	: 4
JABATAN	:	NRECC		

4

Selasa, 6 Disember 2022



Nik Nazmi (dua dari kanan) pada hari pertama memulakan tugas di pejabatnya di Wisma Sumber Asli, Putrajaya, semalam. (Foto Eizaini Shamsudin/BH)

Nik Nazmi akui portfolio dipegang menuntut komitmen tinggi

Putrajaya: Nik Nazmi Nik Ahmad mengakui portfolionya sebagai Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim mencabar disebabkan penggabungan dua kementerian yang besar dan mempunyai pelbagai isu penting.

Bagaimanapun, beliau berkata, isu besar dan mendesak seperti perubahan iklim dan keperluan tenaga akan ditangani sepenuhnya untuk memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia, khususnya golongan B40, terjamin.

Beliau mengakui dua kementerian sebelum ini, Kementerian Alam Sekitar dan Air serta Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, masing-masing mempunyai pelbagai isu penting yang perlu segera ditangani dengan berkesan.

"Melalui nama kementerian (berkaitan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim) ini sahaja, kita ketahui ia mempunyai isu yang besar. Namun, ramai orang tidak sedar perkara berkaitan air dan tenaga juga mempunyai isu besar dan ia termasuk dalam portfolio ini."

"Kita akan lihat satu persatu, lihat isu yang mendesak dan kita cuba bawa isu yang terbaik. Beri saya ruang untuk selesaikan beberapa perkara dahulu," katanya.

Semalam, beliau memulakan tugas sebagai Menteri di Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Terdahulu, beliau mengimbas kad perakam waktu pada mesin elektronik tepat jam 8.30 pagi di Wisma Sumber Asli dan turut mengadakan pertemuan bersama pegawai kanan kementerian.

Ambil serius isu penting

Mengulas mengenai keutamaan dalam kementerian berkenaan, Nik Nazmi berkata, beberapa perkara yang sebelum ini berulang kali dinyatakan akan diberi perhatian sebagai menteri.

"Saya pernah menyatakan berulang kali mengenai perubahan iklim, isu banjir, isu alam sekitar dan sebagainya. Kini, isu ini tidak lagi hanya cakap-cakap sahaja, sebaliknya dituntut orang ramai supaya ia ditangani oleh kerajaan."

"Ia bukan sekadar slogan (di kementerian) sebaliknya akan diambil serius," katanya.

Mengenai projek kementerian sedia ada, termasuk sasaran 31 peratus tenaga boleh diperbaharui (RE) pada 2040, Nik Nazmi berkata, perkara itu akan kekal diberi fokus tanpa meninggalkan golongan kurang berkemampuan seperti B40.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.instagram.com/ketsa.malaysia)